

WARISAN PERPATIH

Tajuk : Adat Istiadat Dalam
Adat Perpatih
Pembentang : En. Norhalim Hj. Ibrahim

Tarikh : 12 September 1992

Masa : 9.00-10.30 a.m.

Tempat : Dewan Kuliah 1, FPI

dianjurkan oleh

PERSATUAN MAHASISWA NEGERI SEMBILAN
(PERMANIS)
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor D>E

ADAT ISTIADAT DALAM ADAT PERPATIH

1. INSTITUSI PERKAHWINAN

Setakat ini telah kita lihat kaitan yang terjelma dalam kelompok kekeluargaan yakni melalui kelahiran dan berkadim, yang dapat dianggap sebagai hubungan dalaman. Selain daripada hubungan dalaman ini terdapat juga hubungan luaran iaitu antara satu suku (perut, ruang dan rumpun) dengan satu suku (perut, ruang dan rumpun) yang lain. Hubungan luaran ini terjelma hasil dari institusi perkahwinan atau adat semenda-menyemenda.

Dalam masyarakat adat perpatih adat istiadat perkahwinan merupakan acara inisiasi yang paling besar dalam lingkungan hidup seseorang individu dan kelompok kekeluargaannya. Adat perkahwinan merupakan upacara peralihan (rites de passage) terakhir yang harus diselesaikan oleh kelompok kekeluargaan rumpun, seperti yang dibilangkan:

Lama kelamaan mengadakan anak,
Lelaki ada, perempuan pun ada,
sehari ada, sehari bernama,
sehari berhutang mak bapak.

Hutang atas lima perkara:
Pertama kerat pusat,
Kedua upah bidan,
Ketiga sunat rasul,
Keempat khatam mengaji, tindik daing,
Kelima nikah kahwin.

Dengan terbayarnya hutang kelima ini dan berlangsungnya upacara perkahwinan itu, dari segi adat bermakna antara lain, seseorang yang berkahwin itu:

- a) telah berjaya membuktikan bahawa dia telah mampu berdikari: untuk dirinya, isterinya dan anak-anak yang bakal lahir.
- b) telah diakui ada hak di dalam kelompoknya.
- c) telah mencapai kedudukan sebagai seorang dewasa.

Oleh sebab adat perkahwinan ini merupakan tanggungjawab terakhir ibu dan bapa serta kelompok kekeluargaan maka ianya dijalankan dengan iringan upacara adat dan istiadat yang lebih kompleks jikalau dibandingkan dengan upacara upacara perkahwinan dikalangan masyarakat diluar masyarakat adat perpatih. Ini tidaklah bermakna ia terasing secara bersendirian, malah dalam ciri-ciri tertentu ia adalah sehaluan dengan adat perkahwinan lain, khususnya mengenai persoalan agama. Syarat-syarat kesalahan perkahwinan di sisi hukum syarak tetap berfungsi secara mutlak seperti mana juga dalam masyarakat Melayu Islam yang lain. Justru itu, dalam masyarakat adat di Negeri Sembilan dan Naning perkahwinan itu haruslah dirujuk kepada perbilangan:

Syarak tidak menghalang,
Adat tidak menggalang.

Ini bermakna, perkahwinan hanya sah apabila diadakan oleh wali atau wakilnya, bersaksi dan membayar mas kahwin (mahr), iaitu tidak terhalang oleh pengharaman syarak.

Di samping itu perkahwinan itu harus juga sah dari segi adat itu tidak melanggar pantang larang adat. Seandainya perkahwinan itu tersangkut kepada galangan-galangan adat maka dari kacamata adat ia masih tergantung. Untuk ini, adat mempunyai saluran-saluran tertentu untuk menyelesaikannya kerana bagi adat: kusut boleh diselesaikan.

Norma Perspektif Perkahwinan Adat

Adat perkahwinan masyarakat adat perpatih mempunyai kedua-dua norma prespektif dan preferential. Norma perspektif dasar sistem ini adalah eksogami yakni seseorang lelaki tidak boleh menikah dengan seorang perempuan dari sukunya sendiri. Perkahwinan yang digalakkan adalah antara dua orang yang berlainan suku - lain suku lain waris, dan dikatakan sebagai:

Labu ke kundur,
Kundur ke labu,
Orang ke orang.

Seandainya berlaku juga perkahwinan sesuku, pasangan itu telah diaggap oleh adat sebagai telah melakukan sumbang.

Masyarakat adat, dari segi perkahwinan dapat dibagikan kepada dua. Pertama ialah golongan yang menerima (pikat isteri) yang dinamakan tempat semenda dan tiap-tiap anggota golongan itu adalah dinamakan orang tempat-semenda. Sebaliknya orang yang datang berkahwin (suami) ke dalam golongan tempat semenda dinamakan orang semenda dan golongan mereka (ditempat/dalam suku isteri) dinamakan orang seresan atau sebelan. Hubungan perkahwinan antara anggota golongan tadi dinamakan sebagai semenda-menyemenda atau persemendaan.

Adat perpatih mengaturkan anggota-anggota supaya berkahwin dengan suku lain adalah atas beberapa sebab. Antaranya:

- a) Perkahwinan bentuk ini mengekalkan dan melanjutkan perhubungan persaudaraan dalam suku, dan dengan secara tidak langsung memperkukuhkan lagi kekuatan moral masyarakat adat.
- b) Perkahwinan luar suku akan mengeratkan lagi perhubungan dan menggabungkan suku-suku tersebut dalam satu kombinasi kekeluargaan semenda dan tempat semenda. Oleh kerana orang semenda dalam sesuatu suku (mungkin juga dalam sebuah rumah tangga) itu datang dari beberapa suku maka dengan sendirinya wujud hubungan antara suku. Keadaan ini dapat membantu menyempurnakan rasa kekitaan (esprit de corps) dikalangan anggota masyarakat adat.
- c) Perkahwinan bentuk ini juga dapat mengawal perbuatan sumbang antara lelaki dan perempuan yang sesuku. Disamping itu, perkahwinan bentuk ini juga meluaskan jalinan kekeluargaan kepada suku-suku abang atau adik atau kakak ipar. Sebagai saudara mara maka secara otomatis hukum bersaudara: adat bersaudara, saudara dipertahankan, berkuatkuasa.

Norma Preferential Perkahwinan Adat

Norma proferential pula adalah untuk melakukan perkahwinan silang pupu iaitu dengan anak gadis abang atau adik lelaki ibu sendiri; dan dengan anak gadis kakak atau adik perempuan kepada ayah. Dalam bentuk pemilihan jodoh terakhir ini, walaupun mempunyai kaitan biologi, tetapi oleh sebab masyarakat ini mengamalkan sistem nasab ibu, tergolong ke dalam kelompok kekeluargaan (suku) yang berlainan.

Perkahwinan silang pupu ini boleh terjadi dalam dua bentuk: silang pupu sebenarnya dan silang pupu klasifikasi. Perkahwinan silang pupu klasifikasi ini tidak terhad kepada sanak datuk sahaja tetapi boleh berlaku antara sanak saudara yang lebih jauh, malahan boleh berlaku antara pupu dari satu generasi tetapi berlainan tunggang. Perkahwinan ini dikatakan sebagai perkahwinan tarik-menarik. Seandainya perkahwinan bentuk ini berlaku melampaui beberapa generasi, maka ia disebut sebagai kahwin menyambung tali yang putus.

Sumbang atau Larangan Dalam Perkahwinan

Dalam masyarakat adat perpatih, selain daripada larangan perkahwinan menurut hukum syarak terdapat juga larangan adat. Larangan adat itu terbagi kepada dua jenis iaitu : dilarang perkahwinan sesuku atau indogami yang dalam aturan adat dikatakan sebagai sumbang balai melintang; dan larangan poligami (poliandri) sesuku.

a) Sumbang Balai Melintang

Perkahwinan sumbang jenis ini diperbilangkan sebagai:

Dihambat dek syarak,
digalang dek adat

Ianya dapat dipecahkan kepada dua jenis, iaitu sumbang sewaris yang bermaksud perkahwinan antara pasangan yang sama suku; dan sumbang sekadim yakni perkahwinan antara pasangan dari kelompok perut yang sama. Mengikut kepercayaan adat perkahwinan sumbang balai melintang ini jikalau dilakukan akan mengakibatkan:

kok ke darat sial balau,
kok ke laut tumpah karam
kok beranak tak cukup sifatnya,
ditimpa dek bisa besi kawl.

Dalam sumbang balai mmelintang ini termasuk juga perkahwinan jenis pupu selari sebelah ibu, baik yang sebenarnya mahupun yang klasifikasi.

Sebaliknya, dari segi teori adat perkahwinan sepupu sela dimana ayah yang adik beradik, yang bermaksud pasangan itu bukan sesuku, tidak bersalahan. Tetapi ada praktiknya perakahwinan bentuk ini tidak digalakkan kerana mereka tetap dianggap sebagai mempunyai wali yang sama.

b) Larangan poligami (poliandri) Sesuku

Adat juga melarang seorang lelaki berkahwin dengan dua orang atau lebih orang perempuan yang datang daripada suku yang sama. Termasuk dalam kategori ini ialah perkahwinan semula ke dalam suku bekas isteri yang telah ditalak.

Walau bagaimanapun, dalam kes terakhir ini, rundungan masih terbuka. maksudnya berkahwin ke dalam suku bekas isteri yang telah ditalak boleh berlaku sekiranya ada muafakat dan kebulatan antara semua pihak yang berkenaan termasuk ketua-ketua adat. Kalau dibenarkan, dan selalunya diizinkan, pihak lelaki harus membayar denda yang disebut kalang batang kepada yang berkenaan.

Sebaliknya pula, jikalau perceraian mati, suami diizinkan malahan dapat dikatakan sebagai digalakkan untuk berkahwin dengan saudara perempuan (adik) arwah isterinya. Perkahwinan jenis ini disebut ganti tikar.

Hukum Sumbang Balai Melintang

Pada pandangan masyarakat adat orang yang melakukan sumbang ini adalah ibarat haiwan dan tidak layak wujud dalam masyarakat. Seandainya berlaku juga maka pasangan itu akan dikenakan hukum kahar. Hukuman yang dikenakan adalah berdasarkan jenis sumbang yang dilakukan.

Hukuman Sumbang Sewaris ialah pasangan yang berkenaan akan dihalau oleh ahli-ahli sukunya. Ia tidak lagi dibenarkan tinggal di dalam kawasan sukunya, dan tidak pula diterima oleh suku-suku lain di Luak berkenaan. Disamping itu, pada zaman tradisi, tempat duduk mereka di atas rumah pun akan dicuci.

Bagi pihak lelaki yang melakukan kesalahan ini tidak lagi boleh menjunjung saka atau jawatan pusaka gelaran suku. Seandainya semasa ia melakukan kesalahan itu sedang

menjunjung pusaka maka pusakanya itu luruh dengan sendirinya. Pada pihak perempuan pula segala harta yang ada padanya akan luruh yakni ia tidak ada hak lagi memiliki sebarang harta pusaka sukunya kepada masyarakat pasangan ini dianggap sebagai:

Laksana buah beluluk:
 tercampak ke laut,
 tidak dimakan ikan;
 tercampak ke darat,
 tidak dimakan ayam.

Walau bagaimanapun adat membolehkan pasangan itu balik ke tempat asalnya (kesukunya). Perbuatan ini dikatakan sebagai masuk adat sesuai dengan kata perbilangan: sesat hujung jalan, balik kepangkal jalan. Untuk tujuan ini beberapa syarat harus diikuti dan dipatuhi terlebih dahulu. Cara penerimaan dan syarat-syarat yang dikenakan mungkin berbeza dari Luak ke Luak. Namun antara yang perlu ialah:

- i) membayar denda 50 gantang beras,
- ii) membayar wang tunai sejumlah yang tertentu,
- iii) mengadakan seekor kerbau atau lembu.

Beras dan kerbau atau lembu itu haruslah digunakan untuk mengadakan kenduri adat masuk adat. Dalam kenduri itu ketua-ketua adat daripada semua lapisan harus dijemput dengan penuh adat, disamping menjemput keseluruhan ahli suku dan orang semenda sukunya. Perjalanan majlis kenduri ini akan diawasi oleh Datuk Lembaga suku yang berkenaan agar tidak berlaku cacat (kesilapan dan kesalahan) yang boleh membatalkan majlis masuk adat itu.

Dalam majlis masuk adat ini pasangan (atau salah seorang, jikalau telah berlaku perceraian mati) berkenaan akan mengistiharkan kesalahan yang telah mereka lakukan. Mereka juga, selanjutnya akan membayangkan keinginan mereka untuk masuk kembali kepangkuan suku serta bergabung semula dalam ikatan keluarga seperti mana dahulunya. Selepas mengakui kesalahan dan meminta maaf kepada orang ramai mereka harus pula menyembah semua anggota suku yang hadir untuk memohon maaf. Majlis ini secara tidak langsung adalah satu cara membuat apologi awam.

Apabila selesai istiadat itu pihak yang berkenaan akan berbalik ke tempat asalnya dan diberi kedudukan seperti sebelum berlakunya kesilapan tersebut.

Hukum Sumbang Sekadim. Jikalau dibandingkan dengan sumbang sewaris, sumbang kategori kedua ini adalah merupakan kesalahan yang paling besar dalam adat perpatih. Antara hukumnya adalah dirampas segala harta bendanya. Pada zaman tradisi, mereka juga harus dibunuh. Hukuman bunuh ini pernah berlaku di Pulau Sebang, Nanning, dimana anggota suku Semelenggang telah melakukan sumbang jenis ini. Pasangan tersebut telah ditangkap dan dimasukkan ke dalam bakul dan dibenamkan ke dalam sungai sehingga mati lemas. Kubur mereka sehingga ke hari ini dikenali sebagai Jerat Sumbang.

Kepada ahli masyarakat adat perpatih kedudukan mereka yang melakukan sumbang jenis ini ialah:

Hidup tak terpelihara,
mati tak ditanam;
harta diambil,
tuan dibunuh.

Atau diperbilangkan juga sebagai:

ke laut tumpah karam,
ke darat sial terbakar.

Bentuk Perkahwinan Adat

Secara menyeluruh di kalangan masyarakat adat perpatih terdapat dua bentuk perkahwinan:

- a) perkahwinan yang lazim atau biasa,
- b) perkahwinan yang tidak lazim.

Perkahwinan Lazim

Perkahwinan bentuk lazim atau biasa adalah yang mengikut adat. Ia melibatkan semua pihak daripada awal sehingga akhir. Perkahwinan jenis ini harus melalui beberapa peringkat yang berturutan: merisik, meminang atau menghantar tanda, akad nikah atau mengisi adat atau hari langsung atau hari olek, bertandang atau menyalang, dan menikam jejak. Selepas istiadat terakhir ini sepasang suami isteri dikatakan telah berumahtangga. Melalui semua peringkat istiadat ini kita dapati semua ahli kelompok kekeluargaan baik orang semenda ataupun tempat semenda mempunyai tugas dan peranan tertentu yang saling berkait serta teratur selaras menjalankan upacara. Peranan dan tugas itu teratur dan berkoodinasi antara semua bahagian menjadikan seluruh organisasi istiadat perkahwinan. Oleh kerana hubungan antara bahagian-bahagian itu adalah rasmi maka kita dapat

mengandaikan bahawa corak hubungan organisasi perkahwinan itu sebagai gambaran struktur seluruh masyarakat dalam bentuk yang kecil.

Merisik: Ianya adalah adat istiadat peninjauan pihak lelaki ke atas gadis dan keluarganya, yang hendak dijadikan isteri atau menantu. Peninjauan itu dilakukan oleh wakil pihak lelaki, yang biasanya terdiri dari kerabat-kerabat dekat seperti emak saudara kepada yang berhajat terutama sekali isteri bapa saudara kadim. Selepas wakil pihak lelaki berpuas hati mengenai gadis yang dirisik, pada hari yang sesuai mereka akan datang lagi, dengan secara lebih formal, untuk menyampaikan hajat kepada pihak perempuan. Di dalam istiadat kecil ini selalunya pihak lelaki akan menyerahkan sebarang cincin yang dikenali sebagai cincin tanya, kepada pihak perempuan. Tujuan memberikan cincin ini adalah sebagai tanda keikhlasan dan kesungguhan pihak lelaki; dan bagi pihak perempuan pula ianya adalah bukti yang anak gadisnya telah ditanya atau dirisik orang apabila perkara ini dimuafatkan dengan ahli-ahli keluarganya.

Setelah mengetahui hajat pihak lelaki, sebelum membuat keputusan menolak atau menerima, pihak perempuan juga akan melakukan peninjauan ke atas pihak lelaki. Keputusan yang hendak dibuat mestilah melalui permuafakatan antara kerabat-kerabat yang dekat pihak perempuan. Antara kerabat yang mesti hadir ialah bapa saudara kadim, adik beradik perempuan ibu dan juga ibu bapa sendiri. Pada masa berkampung ini ibu

pihak perempuan akan memperagakan cincin tanya kepada yang hadir. Jikalau bersetuju (ada kebulatan) maka diterimalah risikan itu dengan memulangkan kata (kalau tidak setuju dipulangkan kata dengan cincin) kepada wakil pihak lelaki supaya pihak lelaki menghantar tanda.

Apabila telah dipersetujui supaya tanda dihantar dengan resmi, kedua-dua ibu bapa pihak lelaki dan perempuan harus menyatakan perkara ini kepada Buapak dan ketua adat yang lain dalam suku masing-masing, serta kepada semua sanak saudara yang dekat dan jauh. Kesemuanya harus dijemput hadir pada hari menerima tanda itu.

Adat Menghantar Tanda

Pada hari yang ditetapkan yang diputuskan semasa memulangkan kata menerima risikan pihak lelaki, suatu adat istiadat menghantar (bagi pihak lelaki) atau menerima (bagi pihak perempuan) tanda akan diadakan. Wakil pihak lelaki akan mengunjungi rumah pihak perempuan dengan penuh adat membawa peralatan meminang dan sebarang cincin peminangan. Kedatangan mereka di rumah pihak perempuan akan disambut dengan penuh adat istiadat. Adat ini pada zaman tradisi penuh disulami dengan kata-kata puisi yang terdiri daripada perbilangan adat dan disulami pula dengan pantun. Wakil pihak lelaki akan menyerahkan cincin tersebut (serta di setengah luak wang adat, jumlahnya mengikut aturan tempat berkenaan) kepada Buapak pihak perempuan, setelah diterima, tanda-tanda itu akan diserahkan kepada Besar dan atau kadim yang pula kepada ibu bapa perempuan untuk disaksikan.

Dalam istiadat ini juga kedua-dua pihak membuat perjanjian jarak lama pertunangan itu dan juga menyatakan syarat-syarat perjanjian mengikut adat. Antara perbilangan yang sering digunakan berkaitan dengan pertunangan ini ialah:

Esa sekata,
kata dikembalikan;
janji dibuat, dimuliakan;
sampai janji ditepat:

Cepat janji tiga hari,
lewat janji tujuh hari
laun janji dua kali tujuh hari

Helah lelaki, loncor,
helah perempuan, ganda.

Maksudnya segala janji kenalah ditepati, jikalau semasa perjanjian itu lelaki mungkir segala tanda pertunangan itu akan mansuh; tetapi jika pihak perempuan yang membuat helah, dia terpaksa membayar dua kali ganda nilai tanda yang telah diterimanya daripada pihak lelaki. syarat-syarat ini di kecualikan sekiranya salah satu dari pihak itu mati, cacat disebabkan kemalangan atau dihinggapai penyakit tertentu.

Walaupun perbilangan menetapkan masa perjanjian itu, namun ia boleh dipersingkatkan atau dilanjutkan, bergantung kepada permuafakatan antara ibubapa pihak lelaki dan ibubapa pihak perempuan. Konsep permuafakatan semasa bertunang ini terkandung dalam perbilangan :

'Sakit lelaki, lari pada perempuan
sakit perempuan, lari pada lelaki;

dan " dalam janji digaduhkan ". Pada masa ini sering ditentukan dan disampaikan kepada yang lain mengenai jenis Olek yang hendak diadakan, sama ada Olek biasa, Olek Buapak atau Olek Lembaga. Berita jenis olek yang diadakan itu harus

pula disampaikan kepada ketua-ketua adat suku masing-masing. Pemberitahuan awal ini perlu kerana setiap olek mempunyai persiapan tersendiri dan mengambil masa untuk menyediakannya. Selepas muktamad masa dan jenis olek baru diadakan istiadat berkampung.

Istiadat Berkampung

Istiadat berkampung biasanya dijalankan, selalunya seminggu atau dua sebelum olek atau majlis perkahwinan diadakan. Di masa berkampung ini semua waris daripada peringkat ruang membawa ke perut, Pada masa itu dinyatakan jenis olek yang bakal diadakan dan tiap-tiap anggota akan diberi tugas tertentu mengikut kebolehan dan kemampuan masing-masing. Akhir sekali akan ditentukan juga hari bila hendak memulakan kerja membuat persediaan olek.

Di setengah tempat dalam wilayah adat perpatih hari meletakkan kerja membuat persediaan jenis perkahwinan dikatakan sebagai adat kayu berakar atau istiadat merapat atau hari menating olek. Mulai dari hari tersebut, rumah pengantin akan sentiasa dipenuhi orang, lelaki, perempuan, orang tua dan muda, masing-masing membuat berbagai kerja, memperbaiki, memperelokkan keadaan rumah dan kawasannya, Pada masa ini jelas kelihatan bagaimana konsep kerja berkerjasama serta bergotong royong itu dipraktikkan. Perlaksanaan konsep tersebut tidak terhenti pada menyumbang tenaga tetapi juga dalam perkara-perkara lain seperti bahan-bahan makanan. Setiap keluarga yang datang akan memberi

sumbangan beras, kelapa, ternakan ayam dan itek dan bahan-bahan masakan yang lain. Tegasnya selama majlis itu berjalan pihak tuan rumah tidak perlu runsing tentang kekurangan bahan masakan. Malahan, pada kebiasaan ada lebih selepas tamat upacara. Kesemua aktiviti adalah dibawah pengawasan ketua adat, Besar dan Buapak.

Mengisi Adat atau Hari Lansung

Hari mengisi adat atau hari langsung merupakan upacara kemuncak dalam istiadat perkahwinan. Bagai dikata di atas, di kalangan pengawal adat perpatih terdapat tiga jenis olek atau perayaan perkahwinan, iaitu :

- (a) olek biasa : majlis berjalan untuk sehari semalam;
- (b) olek Buapak : majlis berjalan untuk dua hari dua malam;
- (c) olek Lembaga : majlis berjalan untuk tiga hari tiga malam;

Setiap satu jenis itu mempunyai aturan yang tersendiri dan harus diikuti, terutama sekali jikalau menjalankan olek Buapak atau olek Lembaga. Seandainya berlaku kesilapan olek itu akan cacat dan pihak yang berkenaan akan dikenakan hukum denda. Oleh sebab itu adalah menjadi tanggungjawab Buapak sebagai pengarah olek memastikan setiap aturan diikuti dan dilakukan dengan sempurna. Dalam menjalankan tugasnya ini Buapak akan dibantu oleh Besar atau Kadim.

Sepanjang perjalanan majlis olek itu berbagai-bagai adat istiadat dijalankan, Antara lain ialah :

- (a) adat istiadat memecah olek,
- (b) adat berinai kecil dan berinai besar
- (c) adat berendam
- (d) akad nikah
- (e) adat hambat pintu
- (f) adat hambat pelamin
- (g) adat bersanding dan adat istiadat lain.

setiap perkahwinan adat mempunyai peralatan yang tertentu, Antaranya ialah :

- (a) Tepak sirih dan tepak peminangan
- (b) Bunga telur,
- (c) Nasi Besar
- (d) Tetapak dan alat-alat lain

Satu perkara yang harus disebut di sini ialah dalam perkahwinan adat pada zaman tradisi di Rembau pengantin akan diiringi oleh pengantin kecil. Pengantin kecil adalah terdiri daripada kanak-kanak lelaki dan perempuan dalam lingkungan umur lapan hingga sepuluh tahun Mereka ini diberi berpakaian lengkap sebagai -pengantin dan akan mengiringi kedua-dua pengantin sepanjang upacara Juster itu mereka mempunyai tempat khas (sama seperti pihak pengantin) baik di pelamin, di bilik atau di serambi.

Bertandang atau Menyalang

Majlis ini diadakan sehari selepas tamat adat istiadat perkahwinan di rumah perempuan. Hari sehari ini dikatakan sebagai terletak, iaitu hari berehat. Selepas hari terletak baru diadakan adat bertandang iaitu pihak perempuan pula yang datang ke rumah lelaki. Pihak perempuan akan membawa tiga jenis boko (bokor);

- (a) Bokor besar : sedulang pulut yang mempunyai telur sebanyak 20 biji dan ayam panggang seekor.

Boko besar ini sebagai persembahan kepada ibu bapa lelaki yang sudah menjadi mertua kepada pengantin perempuan. Emak mertuanya membayar duit untuk boko ini.

- (b) Kepala patong : sepinggan besar pulut dan seekor ayam panggang.

Boko untuk ini akan dibungkus dengan kain dan diikat dengan simpulan tertentu yang juga dipanggil kepala patong. Boko ini adalah untuk dipersembahkan kepada bapa saudara kadim pihak lelaki, dan sebagai balas kadim akan membayar sejumlah wang,

- (c) Boko kecil : sepinggan pulut dan sedikit panggang ayam.

Boko kecil juga dibungkus dengan kain tetapi tidak diberi simpulan kepala patung. Ia disimpul dengan simpulan biasa sahaja. Boko ini adalah untuk waris-waris. Justru jumlahnya mungkin banyak dan jumlah yang tepat akan diberitahu kepada pihak perempuan agar membawa boko

secukupnya. Waris-warisan yang menerima bako ini juga memberi bayaran.

Acara majlis bertandang ini hampir sama dengan majlis pihak perempuan melainkan majlis akad nikah.

Istiadat Menikam Jejak

Selepas bertandang pengantin lelaki akan balik ke rumah isterinya sebagai balik ke rumah sendiri. Pada keesokan harinya, kedua pengantin akan balik pula ke rumah pengantin lelaki sebagai menurut jejak awal atau 'menikam jejak'. Pendek kata mula belajar berulang alik ke rumah mertua.

Dalam masa menikam jejak ini pengantin perempuan akan membawa sepinggan kueh wajik untuk emak mertua. Emak mertua pula akan membalas dengan memberi selengkapan barang bagi memulakan rumahtangga baru seperti dulang, pinggan, mangkok nasi dan sebagainya. Selepas ke rumah ibu suami, pada esoknya mereka dengan diiringi oleh dua orang pengiring perempuan akan pergi ke rumah sanak saudara suami dengan membawa seboko wajik atau dodol bagi setiap rumah yang dikunjungi. Wari yang dikunjungi akan memberi balasan kepada buah tangan yang dibawa. Tikam jejak yang sama akan dilakukan kepada waris-warisan pengganti perempuan.

Adat Pengistaharan Harta

Upacara ini mungkin upacara terakhir dalam institusi perkahwinan adat perpatih. Ia selalunya diadakan pada hari kedua selepas upacara menyalang. Dalam upacara ini, biasanya

di rumah pihak perempuan, semua Buapak dan ketua-ketua adat lain daripada suku-suku berkenaan, tempat semenda kedim, waris pusaka dan orang semenda yang hampir dengan keluarga berkenaan akan hadir.

Majlis akan dikelolakan oleh Buapak pihak perempuan. Pada masa itu, jikalau pengantin lelaki belum bergelar ia akan diberi gelar, kalau sudah diberi gelar semasa sebelum kahwin, tidak payah, hanya perlu dihebahkan gelarannya sahaja. Ini sesuai dengan perbilangan :

Kecil diberi nama,
besar diiberi gelar,

Acara kedua ialah mengistiharkan harta yang ada pada pihak perempuan dan penganti lelaki ditugaskan menjaganya. Ini diakhiri dengan perbilangan :

Jadi unjuk berilah kepada
" Menteri" (gelaran pengantin lelaki):
Kampung nan se sudut,
Sawah nan selopak,
Bela peliharalah.

Ini diakhiri dengan syarat pembahagian harta jikalau berlaku penceraian, antara lain diperbilangkan sebagai :

Berpecah kutu belah (bercerai)
Yang dapatan tinggal,
Bawaan kembali,
Carian bagi.

Acara terakhir ialah giliran pihak lelaki pula mengistiharkan harta-harta dan/atau barang-barang kepunyaan yang dibawa bersama ke rumah isterinya.

Dengan itu berakhirilah upacara semenda menyemenda atau berkahwin dalam amalan adat perpatih.

Perkahwinan Tidak Lazim

Perkahwinan jenis ini adalah lebih ringkas daripada kahwin di atas. Di setengah tempat kahwin jenis ini dinamakan sebagai kahwin orang berada dan dikatakan sebagai perbuatan yang berani. Pada dasarnya perkahwinan tidak lazim ini tidak mengikut aturan kebiasaan adat, tetapi ia diakui dan dilembagakan oleh masyarakat. Perkahwinan jenis ini adalah : Nikah terkurung di dalam, Nikah Serah Menyerah, Merumah, Merebut rampas dan Beli Laki.

Nikah Terkurung Didalam

Adat ini berjalan apabila seorang lelaki dan seorang perempuan yang bukan muhrim dijumpai bersekedudukan di dalam rumah. Adat akan memaksanya keduanya dikahwinkan. Dalam keadaan ini lelaki tidak dibenarkan keluar daripada kurungan sehingga Lembaga sanggup menyelesaikannya dengan mengisi adat salah-salahan.

Nikah Serah Menyerah

Ia berlaku apabila seorang lelaki telah menaiki rumah gadis yang dihajatnya, duduk di serambi rumah. Dia tidak akan turun daripada tempat duduknya sehingga tujuannya tercapai. Perkahwinan ini diselesaikan oleh Buapak. Bayaran untuk perkahwinan jenis ini adalah tinggi sebab itu adat menyatakan : orang menyerah tanda kaya. Disamping membayar adat kahwin yang tinggi ia juga terpaksa membayar bunga pinang iaitu pakaian sepersalinan, dan kain deraan cincin.

Merumah

Perkahwinan bentuk ini adalah bentuk yang paling agresif. Lelaki akan merempuh naik ke rumah perempuan dan memegang perempuan yang dihajati tanpa mengira perempuan itu suka atau tidak. Lelaki itu boleh cuba membawa perempuan itu ke luar negeri dan berkahwin di sana. Jikalau ibubapa perempuan menjemput mereka balik maka lelaki tidak dikenakan apa-apa bayaran.

Seandainya lelaki tidak dapat membawa lari, ia terpaksa mempertahankan diri daripada tentangan kaum keluarga perempuan. Jikalau tidak menentang secara kekerasan, pihak perempuan akan mengemukakan berbagai tuntutan. Seandainya pihak perempuan kalah dalam usaha merampas kembali saudara perempuannya barulah si lelaki berhak mengahwininya. Perkahwinan mesti dilangsungkan hari itu juga dengan pihak lelaki mengisi adat seperti lazimnya. Tetapi sebaliknya, jikalau lelaki yang tewas ia akan dikenakan hukuman dan denda. Berhubungan dengan perkahwinan ini adat mengatakan:

Orang merumah:
hati berani,
senjata tajam,
mulut lancar,
emas banyak,

Merebut Rampas

Perkahwinan ini adalah keterbalikan merumah. Dalam jenis ini perempuan yang memaksa lelaki yang disukainya supaya mengahwininya, tidak kira lelaki itu suka atau tidak kepadanya. Cara yang biasa dilakukan harus merampas sepasang

pakaian lelaki yang diingini. Dengan menggunakan pakaian itu sebagai bahan bukti, dia akan mendakwa lelaki itu telah mencero bohi kehormatannya dan telah berjanji untuk berkahwin.

Beli Laki

Cara ini jarang sekali berlaku, tetapi dibolehkan oleh adat. Disamping itu cara ini tidak melibatkan perkahwinan dara dan teruna melainkan berkait dengan orang bermadu.

Apabila seorang isteri mendapat tahu yang suaminya telah berkahwin lain, ia akan pergi ke rumah madunya dengan membawa keris atau parang terhunus. Ia akan berdiri di tangga rumah madunya sambil berteriak menuntut pembayaran atau memulangkan semula suaminya. Jikalau madunya itu sanggup membayar tuntutananya maka berhaklah madunya itu memiliki lelaki sebagai suaminya.

2. BENTUK HUBUNGAN AHLI MASYARAKAT

Daripada huraian di atas nyata bahawa unit-unit kelompok kekeluargaan dan anggota-anggota masyarakat adat berkaitan antara satu sama lain melalui tiga cara iaitu kelahiran, anak angkat dan semenda menyemenda atau perkahwinan. Ketiga-tiga jenis kaitan ini telah menjelmakan empat jenis perhubungan : Hubungan sesuku sewaris, hubungan sesuku lain waris, hubungan lain suku waris dan hubungan lain suku lain waris. Setiap unit dan setiap individu dalam masyarakat adat perpatih menyedari dengan jelas akan wujudnya perhubungan ini.

Hubungan Sesuku Sewaris

Hubungan jenis ini wujud apabila dua orang mempunyai seorang ayah dan seorang ibu. Dari pihak ayah dia melihat sebagai sewaris dan dari pihak ibu dia dilihat sebagai sebagai sesuku. Perhubungan yang sama juga berlaku apabila dua orang lelaki adik beradik dari satu berkahwin dengan dua orang perempuan yang menganggotai suku yang sama. Anak kedua bersaudara tadi juga mempunyai perhubungan sesuku sewaris.

Hubungan Sesuku Lain Waris

Hubungan ini wujud apabila dua orang berhubungan darah hanya dari seorang ibu tetapi berlainan ayah. Perhubungan ini wujud apabila dua orang lelaki berlainan suku berkahwin ke dalam satu suku. Anak kedua lelaki dengan isteri-isteri mereka yang sama suku itu dikatakan sebagai sesuku lain waris.

Hubungan Lain Suku Sewaris

Kaitan ini wujud apabila lelaki berkahwin dua dengan dua orang perempuan yang berlainan suku. Dengan kata-kata hubungan dua orang yang mempunyai ayah (darah) yang sama tetapi berlainan ibu dari suku yang berlainan pula.

Hubungan Lain suku Lain Waris

Ini adalah hubungan antara orang-orang yang berlainan ayah dan ibu. Ekoran dari keadaan ini ia boleh menjelma sebagai hubungan-hubungan sewaris, sesuku, seperut, seruang/serumpun sahaja atau pun sebiras iaitu hubungan antara

seorang lelaki dengan saudara lelaki isterinya atau hubungan semenda iaitu hubungan seorang lelaki dengan anggota suku isteri ataupun hubungan seresam iaitu hubungan seorang lelaki dengan lelaki-lelaki lain yang berkahwin ke dalam suku isterinya.

3. PRINSIP TEMPAT TINGGAL

Dalam huraian di atas telah digambarkan dengan ringkas mengenai aspek-aspek prinsip keturunan dan keanggotaan kelompok serta batasan-batasan lingkungan anggota-anggota kerabat seseorang. Tiap-tiap anggota yang menjadikan masyarakat adat itu melalui rangkaian hubungan antara anggota-anggota dan juga antara kelompok-kelompok kekeluargaan. Bagi menetapkan keanggotaan tiap -tiap kelompok suku, perut, ruang dan rumpun maka satu corak kediaman adalah perlu.

Corak kediaman dalam masyarakat adat perpatih adalah uksorilokal iaitu dalam kelompok emak isteri di mana tiap-tiap lelaki yang berkahwin akan tinggal bersama-sama kelompok emak isterinya. Apabila dirasakan rumah emak itu sudah tidak sesuai lagi didiami mungkin disebabkan pertambahan anggota keluarga maka menantu itu akan mendirikan rumah sendiri biasanya disamping rumah mertuanya.

Di setengah Luak adat, Isteri dibenarkan tinggal di rumah emak suami jika demikian kehendak suaminya. Untuk tujuan ini perlu diadakan adat jemput isteri atau adat unjuk

beri. Dalam aturan ini kerabat perempuan pihak suami harus datang ke rumah emak si isteri dengan membawa pulut kuning yang dinamakan nasi benar, sepiring kueh dan duit adat. Buapak pula secara adat akan menyerahkan si isteri dan mengatakan segala hidup dan mati terserahlah kepada suami dan pihaknya. Setelah itu si isteri akan ke rumah emak mertuanya dan akan semula ke rumahnya pada hari itu. Hanya pada keesokan harinya ia akan pindah.

Sungguh pun sifat kediaman itu ukxorilokal, mengikut adat, kuasa dalam keluarga adalah dalam tangan suami. Adat dengan jelas telah menyatakan peranan dan kedudukan suami melalui perbilangan :

Lengkungan bendul yang empat
orang semenda yang punya.

Ini bermakna dalam rumahtangga atau keluarganya sendiri suami/bapa berkuasa sebagai ketua rumah dan bertanggungjawab membela dan memelihara anak isteri.

4. RUMUSAN

Daripada huraian di atas nyata bahawa masyarakat adat perpatih mmenjuraikan keturunan berdasarkan nasab ibu. Masyarakat ini membahagikan ahli-ahlinya kepada kelompok-kelompok kekeluargaan tertentu dan berhikari. Setiap kelompok itu, daripada yang besar sehingga yang terkecil mempunyai pemimpin -pemimpin tersendiri dengan bidang kuasa tertentu pula.

Dalam keadaan tradisi kelompok kekeluargaan adalah merupakan kelompok dasar dalam organisasi masyarakat di mana seluruh kegiatan dan pergerakan masyarakat dilakukan melalui muafakat. Muafakat membolehkan tercapainya keputusan yang bulat. Setelah ada kebulatan maka tindakan-tindakan berikutnya adalah dilakukan dengan bekerjasama, bergotong-royong serta seraya meraya di mana setiap individu mempunyai peranan dan tanggungjawab berdasarkan kepada kedudukan, kebolehan dan kemampuan masing-masing.

Sikap kerjasama ini jelas sekali kelihatan dalam menjalankan adat istiadat perkahwinan. Perkahwinan adalah salah satu institusi sosial penting dari segi aturan pemilihan jodohnya serta prinsip-prinsip yang berkaitan dan berikutan darinya mewujudkan kesatuan dan perpaduan dikalangan kelompok-kelompok kekeluargaan dalam masyarakat adat perpatih. Melalui perkahwinan ini juga timbul jenis-jenis perhubungan yang mengikat ahli-ahli masyarakat agar bekerjasama mempertahankan keutuhan organisasi masyarakat.

Penghabis kata masyarakat adat ini dengan direstui oleh adat itu sendiri adalah masyarakat dan adat yang dinamik. Ianya tidak statik dan sentiasa terbuka kepada perubahan asalkan ada kemuafakatan mengenainya. Kata adat :

Usang-usang diperbaharui,
Lapuk-lapuk di kajangi,
Yang elok dipakai,
Yang buruk dibuang,
Kalau singkat minta disambung,
Kalau panjang minta dikerat,
Kalau koyak minta ditampal,
Alah adat dek muafakat.

RUJUKAN

- Abas Hj. Ali, 1953. Rembau Sebuah Daripada Luak-Luak Yang Sembilan : Sejarah, Perlembagaan, Adat dan Istiadat, Rembau : Jabatan Undang dan Perlembagaan Adat dan Istiadat Melayu.
- Abdul Rahman bin Hj. Mohammad, 1964. Dasar-dasar Adat Perpatih, K. Lumpur : Pustaka Antara.
- Abu Hasan Jaalam, 1975. Organisasi Dalam Perut : Satu Kajian Kes Di Kampung Peguh, Wilayah Nening, Latihan Ilmiah, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Caldecott, A., 1912. 'Jelebu : Its History and Constitution' dlm PMS, cet. Semula, K. Lumpur : Oxford University Press, 1971.
- Ibrahim bin Abdullah, 1977. Sistem Suku adat Perpatih Di Rembau, Latihan Ilmiah, K. Lumpur : Universiti Malaya.
- Kahar Bador, 1963. Kinship and Marriage Among the Negeri Sembilan Malays, Thesis M. A., London: University of London.
- Lewis K.D., 1960. Inas : A study of Local History, JMBRAS 33(1).
-, 1962. The Minangkabau Malays in Negeri Sembilan disertasi Ph.D., Cornell: Cornell University.
- Nathan, J.E & R.O. Winstedt, 1920. Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol Gunung Pasir and Terachi', PMS cet. semula, K. Lumpur : Oxford University Press.
- Norhalim Hj. Ibrahim, kekeluargaan dan ekonomi Dalam Masyarakat Melayu Desa di Rembau, Latihan Ilmiah, K. Lumpur : University Malaya
-, 1976. Social Change and Continuity in the Matrilineal Society of Rembau, Negeri Sembilan, Thesis M.A.. Hull : University of Hull.
-, 1978. The Yang DiPertuan Besar of Negeri Sembilan and Teh Yang DiPertuan Muda Of Rembau', Warisan 4-5.
-, 1984. Sistem Masyarakat Negeri Sembilan', Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Serdang : Universiti Pertanian Malaysia.

-, 1992. "Adat Perpatih Konsep Perkahwinan Dalam Masyarakat", Budaya Negeri, 5/9 dan 6/92.
-, 1992. "Aturan Perkahwinan Adat, Budaya Negeri 7/92.
- Parr. C.W.C. and W. H. Mackray, 1910. "Rembau One of The Nine States", JSBRAS, 56.
- Shamsul Amri Baharudin, Adat Perpatih Mencabar Zaman, Suatu 1984. Ulasan Seimbis Pandang' Kertas Kerja Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Serdang : Universiti Pertanian Malaysia.
- Sheehan, J.J. and Abd. Aziz', 1936. Adat Kuala Pilah', JMBRAS 14(3).
- Swift, M.G. 1965. Malay Peasant Society in Jelebu, London: The Athlone Press.
- Talib bin Md. Seh. 1990. Adat Sitiadat Dalam Naning Kertas projek Serdang : Universiti Pertanian Malaysia.
- Zainal Kling. 1969. Sistem Kekeluargaan di Melaka Utara tesis M.A., K. Lumpur : Universiti Malaya.

Singkatan

- JMBRAS : Journal of The Malayan Branch Royal Asiatic Society.
- JSBRAS : Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society.
- PMS : Papers on Malayan Subjects.